

Bekas tentera tidak mengaku lakukan amang seksual

Tertuduh didakwa atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun

Oleh Hafzah Abdul Hamid

KUCHING: Seorang bekas tentera mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun.

Pengakuan tersebut dibuat oleh lelaki warga emas berusia 63 tahun itu, sebaik dia didakwa mengikut Seksyen 14(b) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan serangan seksual fizikal ke atas mangsa dengan menyuruh mangsa menyentuh kemaluannya.

Perbuatan itu didakwa dilakukan tertuduh pada 21 Disember lalu, sekitar jam 11 pagi di dapur sebuah rumah di Kampung Opar, Bau.

Difahamkan, ibu mangsa yang merupakan kenalan tertuduh membuat laporan polis setelah mangsa menceritakan kejadian tersebut kepadanya.

Terdahulu, Timbalan Pen-



DIDAKWA: Tertuduh (tengah) menuju ke kaunter ikat jamin selesai sebutan kes semalam.

dakwa Raya Aiman Mutalib Mohamad Shariff tidak menawarkan sebarang ikat jamin kepada tertuduh susulan kesalahan tersebut tidak boleh dijamin.

Menurut Aiman juga, ia bagi mengelakkan tertuduh mengganggu saksi pendakwaan termasuk mangsa dan keluarga mangsa, menge-

lakkan tertuduh daripada mengulangi kesalahan sama terhadap mangsa dan mengelakkan tertuduh melarikan diri.

Tertuduh menerusi peguamnya Osman Ibrahim bagaimanapun memohon kepada mahkamah agar dibenarkan ikat jamin atas alasan tertuduh mempunyai rekod

bersih dan tidak pernah melakukan sebarang kesalahan sebelum ini.

Hakim Afidah Abdul Rahman memerintahkan tertuduh diberikan ikat jamin RM5,000 berserta dua penjamin tempatan.

Beliau juga menetapkan pengurusan kes pada 31 Januari 2023.